

Garispuandu Pameran Kajian Pendidikan Nusantara

Syarat Kelayakan

- Hanya penyelidik/ahli akademik yang sedang/telah berkhidmat dengan mana-mana institusi pendidikan di Filipina, Thailand, Brunei, Singapura, Indonesia dan Malaysia layak mengambil bahagian.
- Tidak ada had kepada bilangan penyelidik/ahli akademik daripada institusi yang sama untuk menyerahkan kertas kerja/bahan pameran.
- Bahan pameran mestilah hak cipta sendiri yang ditulis/dibangunkan oleh penulis/pencipta. Bahan pameran juga tidak dikecualikan daripada digunakan bagi pertandingan lain; namun ia masih belum dicetak atau dihak cipta.
- Bahan pameran yang tidak disediakan mengikut garispuandu serta tidak diterima pada/sebelum tarikh tutup tidak akan dinilai. Semua kertas kerja mengenai bahan pameran/ciptaan mesti tiba pada/sebelum 31 Januari 2009.

Garispuandu /Peraturan Penyediaan Bahan Pameran/Ciptaan

1. Bentuk bahan pameran/ciptaan:
 - Poster (20 X 30 inci)
 - Prototaip
 - Model
 - Plan/Lukisan/Gambar
 - Kertas kerja (tidak melebihi 5 mukasurat yang ditampalkan pada kertas ukuran poster)
2. Tarikh akhir penghantaran **borang penyertaan dan borang tempahan petak ialah 31 Januari 2009** secara email kepada Urusetia di alamat lana@ukm.my atau hya@ukm.my
3. Semua bentuk penyertaan pameran mestilah menghantar maklumat ringkas yang menerangkan tentang bahan pameran/ciptaan dalam bentuk kertas kerja. Kertas kerja mestilah menepati garispuandu berikut:
 - tidak melebihi 5 mukasurat
 - Fon Times Roman – saiz 12
 - jidar keliling 1 inci (2.5cm) keliling
 - selang satu
 - sertakan senarai isi kandungan
 - carta/graf mestilah dimasukkan di dalam teks di mana bahan pameran dinyatakan
 - carta/graf mestilah dibentuk, diformat dan dimasukkan di dalam dokumen dalam bentuk 'style' – mengambil terus serta memindahkannya daripada output statistik adalah tidak memuaskan
 - ditulis dalam Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris
 - rujukan bagi semua data atau bahan mestilah dibuat dengan betul; lihat garispuandu [Citing Electronic Data Files](#); lihat [American Psychological Association Bibliographic Style, 5th Edition](#) (PDF 128K) atau [MLA Bibliographic Style, 5th Edition, 2001](#) (PDF 116K) sebagai panduan cara menulis rujukan.
 - Abstrak tidak melebihi 150 patah perkataan disertakan pada mukasurat yang berasingan.

- Mukasurat tajuk mesti mengandungi :
 - Nama penulis:
 - Alamat email:
 - Nombor talipon
 - Nama institusi
 - Tajuk bahan pameran/ciptaan
 - Bentuk pameran
- 4. Kertas kerja (penerangan bahan pameran/ciptaan) ini hendaklah dihantar secara elektronik beserta **kebenaran percetakan DOC68K** yang boleh diperolehi di www.ukm.my.sps/2009 dalam satu email kepada alamat berikut:

Urusetia
Pertandingan Penyelidikan Pendidikan Nusantara 2008
Fakulti pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

No Tel : 03-89216236 / 6241/ 6338
No Faks : 03-89254372
e-mel : lena@ukm.my atau hya@ukm.my

- 5. Penghantaran secara elektronik mesti diterima menjelang 12 malam Waktu Pasifik, **1 MEI 2009**.
- 6. Satu pengesahan penerimaan kertas kerja dan kebenaran percetakan akan dihantar kepada alamat email penulis seperti di dalam borang.
- 7. Penyelidik/ahli akademik yang bahan pameran/ciptaannya diterima untuk Pameran ini (kecuali yang berbentuk kertas kerja dan poster) perlu menyediakan poster yang menerangkan kajian tentang bahan pameran/ciptaan tersebut untuk diletakkan berhampiran bahan pameran/ciptaan.
- 8. Untuk maklumat dan pertanyaan, sila hubungi lena@ukm.my or hya@ukm.my
- 9. Selepas penyampaian hadiah pemenang, jawatankuasa hanya akan menyimpan salinan elektronik kertas pemenang serta borang permohonan/kebenaran percetakan. Bahan lain tidak akan disimpan.

Pengadilan

- Panel pengadil terdiri daripada ahli institusi pendidikan atau gabungan. Bilanagan pengadil akan bergantung kepada bilangan penyertaan
- Panel akan menilai semua kertas kerja penerangan bahan pameran/ciptaan tanpa mengetahui penulis; iaitu nama penulis dan institusi tidak akan dimaklumkan kepada pengadil semasa proses penilaian.
- Pengadil akan menggunakan kriteria penulisan sarjana termasuk pembentukan tesis dan tujuan kertas kerja, perbincangan dan perkaitan serta kesimpulan.

Kemudahan

Jawatankuasa akan menyediakan sebuah meja (1m X 2m), 2 buah kerusi dan papan poster. Peserta adalah bertanggungjawab terhadap komputer, LCD dan flip charts jika diperlukan.